



## SIARAN MEDIA

# Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang capai tahap kemajuan 28.55%

*Fasa Satu projek akan beroperasi Disember tahun 2016.*

Kuala Lumpur, 6 November 2013: Projek MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang telah mencapai tahap kemajuan 28.55% dua tahun selepas pelancaran rasminya.

Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Datuk Wira Azhar Abdul Hamid, yang mengumumkan ini semasa sesi taklimat kepada media hari ini, berkata beliau berasa puas hati dengan pencapaian ini.

"Kita yakin Fasa Satu projek antara Stesen Sungai Buloh dan Semantan akan beroperasi pada 31 December 2016 manakala Fasa Dua yang merangkumi baki laluan antara Stesen Semantan dan Kajang akan beroperasi pada 31 July 2017," kata Datuk Azhar.

Datuk Azhar menjelaskan kerja pembinaan sedang berjalan dengan lancar dan sehingga kini, tiada isu besar yang timbul sehingga boleh menjejaskan tarikh-tarikh sasaran projek.

"Semasa sesi taklimat kepada media akhir tahun lalu, saya telah mengumumkan bahawa tahap kemajuan projek hanya 3%. Kini, tahap kemajuannya telah mencapai 28.55%. Ini bermakna kerja pembinaan telah berjalan dengan lancar dalam masa satu tahun," kata Datuk Azhar.

Semasa sesi taklimat, Pengarah Projek MRT Corp Encik Marcus Karakashian telah memberi butir-butir kemajuan projek seperti berikut:

ITEM		KEMAJUAN
Kemajuan keseluruhan projek		28.55%
Bahagian bertingkat		19.87%
Bahagian bawah tanah	Keseluruhan	41.53%
	Pembinaan terowong	18%
	Pembinaan stesen bawah tanah	41%
Sistem (Tren, semboyan, sistem tiket automatik, dan lain lain)		19.87%

Panjang keseluruhan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang adalah 51km dan panjang bahagian bawah tanah adalah 9.5km. Panjang bahagian laluan bertingkat, yang terdiri daripada seksyen utara dan seksyen selatan, adalah 41.5km. Laluan tersebut mempunyai 31 stesen, dengan tujuh stesen bawah tanah.



Encik Karakashian berkata antara perkembangan menarik pembinaan termasuklah bermulanya kerja pembinaan terowong dengan lima mesin pengorek terowong (TBM).

“Kelima-lima TBM sedang beroperasi dengan baik dan kadar pembinaan terowong adalah memuaskan,” kata Encik Karakashian.

Encik Karakashian berkata pembinaan tujuh stesen bawah tanah juga berjalan dengan lancar.

Untuk bahagian bertingkat, Encik Karakashian berkata 70% daripada kerja membina cerucuk telah disempurnakan.

“Lapan daripada 18 gantri pelancar (launching gantry) yang digunakan untuk pembinaan jejambat MRT kini sudah beroperasi di tapak. Sehingga kini, jumlah 26 bahagian jejambat telah dibina,” kata Encik Karakashian.

-end/-

***Untuk pertanyaan media, sila hubungi:***

*Mr. Leong Shen-Li*  
*MRT Corp*

03-20953862 / [leong.shen-li@mymrt.com.my](mailto:leong.shen-li@mymrt.com.my)

*Ms. Nadia Azmi*  
*MRT Corp*

03-20953861 / [nadia.azmi@mymrt.com.my](mailto:nadia.azmi@mymrt.com.my)